

**KESAN PENGAJARAN TERUS NILAI DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH
BAGI PENERAPAN PATRIOTISME**

Oleh

MOHMAD NOOR BIN MOHMAD TAIB

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2006

Kepada mereka yang dikasihi :

Ayahandaku Mohmad Taib bin Johan

Bondaku Maimunah bt. Ayob

Isteriku A'inun Mardziah bt. Mohd Yit

Anak-anakku :

Muhammad Rafiq Firdaus

Nur Ain Izzahtul Nadiah

Nur Ain Suraiya Farhanah

Nurain Amalina Fatanah

Muhammad Fakhrur Raziq

PENGHARGAAN

Didahului dengan ucapan syukur Alhamdulillah yang dipanjatkan kepada-Nya, kerana berkat rahmat dan hidayah-Nya memungkinkan penulisan tesis ini selesai walaupun dalam pelbagai cabaran, kepayahan, dan keperitan yang mendatang. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW yang mana melalui baginda, al-Qur'an dan sunnahnya dijadikan penyuluh dan pedoman.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada penyelia, PM Dr. Abd. Rashid Mohamad dan mantan penyelia, PM Dr. Mohd Daud Hamzah atas segala bimbingan, tunjuk ajar, kata nasihat, dan perangsang sedari mula hingga ke akhir penyempurnaan tesis ini. Allah jua yang selayaknya membalas jasa ikhlas kalian.

Sesungguhnya terlalu banyak pihak yang menghulurkan bantuan dan tidak mungkin untuk dinyatakan satu persatu dalam ruang yang terbatas ini. Memadai dirakamkan penghargaan ini kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, Yang Berbahagia Dato'- Dato', Profesor Dato', Profesor-profesor, Profesor Madya, rakan-rakan pensyarah, kakitangan pentadbiran dan sokongan di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia UPSI, serta Pusat Pasca UPSI, rakan kenalan yang lama dan baru.

Ucapan penghargaan istimewa ditujukan kepada ibubapa, ibu mertua, serta bapa mertua yang telah meninggal dunia. Juga kepada adik beradik dan saudara mara.

Penghargaan khas ditujukan kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa tabah, sabar, sedia memahami serta memberi sokongan dalam sebarang keadaan.

Kepada semua pihak yang terlibat, terimalah ucapan terima kasih yang amat bermakna daripada saya dan hanya Allah jua yang layak membalasnya. Amin.

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|----------------------------------|----------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI LAMPIRAN | xiii |
| ABSTRAK | xiv |
| ABSTRACT | xv |
| | |
| BAB I : PENDAHULUAN | |
| 1.0 Latar Belakang Masalah | 1 |
| 1.1 Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.2 Tujuan Kajian | 15 |
| 1.3 Soalan Kajian | 17 |
| 1.4 Hipotesis Kajian | 18 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 21 |
| 1.6 Batasan Kajian | 24 |
| 1.7 Huraian Istilah | 28 |
| | |
| BAB II : KAJIAN LITERATUR | |
| 2.0 Pengenalan | 33 |
| 2.1 Patriotisme | 33 |

| | | |
|---------|--|----|
| 2.1.1 | Definisi Patriotisme | 33 |
| 2.1.2 | Hubungan Patriotisme Dengan Nilai | 39 |
| 2.1.3 | Teori Mengenai Patriotisme | 42 |
| 2.1.4 | Perkembangan Pemerolehan Pemikiran Patriotisme | 45 |
| 2.2 | Patriotisme Dari Perspektif Pendidikan Nilai | 48 |
| 2.2.1 | Pendekatan Utama Pengajaran Nilai | 48 |
| 2.2.1.1 | Aliran Tradisional Pendidikan Nilai | 48 |
| 2.2.1.2 | Aliran Progresif Pendidikan Nilai | 49 |
| 2.2.1.3 | Aliran Eklektik Pendidikan Nilai | 51 |
| 2.2.1.4 | Pendekatan Lain Pengajaran Nilai | 53 |
| | 2.2.1.4.1 Perpindahan Nilai (<i>Value Transmission</i>) | 53 |
| | 2.2.1.4.2 Nilai Merentas Kurikulum | 54 |
| 2.2.2 | Kaedah Pengajaran Nilai | 55 |
| | 2.2.2.1 Pembelajaran Terus (<i>Direct Instruction</i>) | 55 |
| | 2.2.2.2 Pemikiran Moral (<i>Moral Reasoning</i>) | 56 |
| | 2.2.2.3 Golongan Prihatin (<i>Caring</i>) | 57 |
| 2.2.3 | Kaedah Penerapan Patriotisme Dalam Pendidikan Nilai | 58 |
| 2.3 | Saluran-saluran Pembinaan Patriotisme Dalam Konteks Negara Malaysia | 62 |
| 2.3.1 | Pembinaan Patriotisme Melalui Institusi Pendidikan | 63 |
| 2.3.2 | Pembinaan Patriotisme Selain Daripada Institusi Pendidikan | 67 |
| 2.3.3 | Model Konseptual Pembinaan Patriotisme | |

| | | |
|-------|---|-----|
| | Di Malaysia | 74 |
| 2.3.4 | Kejayaan Penterjemahan Semangat Patriotisme Dalam Masyarakat Malaysia | 76 |
| 2.4 | Kurikulum Sejarah KBSM Dan Pembentukan Patriotisme | 79 |
| 2.4.1 | Hubungan Sejarah Dengan Patriotisme | 79 |
| 2.4.2 | Bukti Empirikal Hubungan Sejarah Dengan Patriotisme | 81 |
| 2.4.3 | Tujuan Sejarah Diajar Di Sekolah | 84 |
| 2.4.4 | Tujuan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM | 87 |
| 2.4.5 | Objektif Mata Pelajaran Sejarah KBSM Menengah Rendah | 89 |
| 2.4.6 | Kandungan Patriotisme Yang Sepatutnya Diliputi Dalam Mata Pelajaran Sejarah | 97 |
| 2.4.7 | Saranan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Bagi Penerapan Patriotisme | 104 |
| | 2.4.7.1 Pedagogi | 104 |
| | 2.4.7.2 Penggunaan Sumber | 110 |
| | 2.4.7.3 Penerapan Nilai Patriotisme | 118 |
| 2.4.8 | Batasan Peperiksaan Terhadap Pengajaran Dan Pembinaan Patriotisme | 121 |
| 2.4.9 | Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah KBSM | 123 |
| 2.5 | Kerangka Konseptual Kajian | 125 |
| 2.6 | Pendekatan Kajian | 147 |

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|---------------------------------|-----|
| 3.0 | Pengenalan | 151 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 151 |
| 3.2 | Langkah Pengendalian Eksperimen | 155 |

| | | |
|-----------|---|-----|
| 3.2.1 | Langkah Kendalian Kumpulan Eksperimen I | 157 |
| 3.2.2 | Langkah Kendalian Kumpulan Eksperimen II | 163 |
| 3.2.3 | Langkah Kendalian Kumpulan Kawalan | 166 |
| 3.2.4 | Perbandingan Pengajaran Bagi Ketiga-tiga Kumpulan | 168 |
| 3.2.5 | Langkah Pemantauan Dan Pencerapan | 169 |
| 3.3 | Sampel Kajian | 170 |
| 3.3.1 | Pemilihan Sekolah | 170 |
| 3.3.2 | Pemilihan Sampel Kajian | 172 |
| 3.4 | Alat Ukur | 173 |
| 3.4.1 | Kajian Rintis | 173 |
| 3.4.1.1 | Menguji Kefahaman Terhadap Item-item Dalam Instrumen Kajian | 173 |
| 3.4.1.2 | Menguji Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen | 174 |
| 3.4.1.2 | Pemilihan Item Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara Versi Akhir | 176 |
| 3.4.1.3.1 | Kesahan Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara | 178 |
| 3.4.1.3.2 | Kebolehpercayaan Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara | 179 |
| 3.4.1.3.3 | Kesimpulan Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara | 190 |
| 3.4.1.3.4 | Maklumat Pelajar | 190 |
| 3.5 | Analisis Data | 191 |

BAB IV : DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|---|-----|
| 4.0 | Pengenalan | 193 |
| 4.1 | Laporan Pemantauan Dan Pencerapan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah | 194 |

| | | |
|---|--|-----|
| 4.2 | Analisis Deskriptif Pencapaian Patriotisme (Dan Aspek-aspeknya) Antara Kumpulan | 207 |
| 4.3 | Pengujian Hipotesis | 209 |
| 4.3.1 | Hipotesis Nol 1 | 209 |
| 4.3.2 | Hipotesis Nol 1a | 211 |
| 4.3.3 | Hipotesis Nol 1b | 213 |
| 4.3.4 | Hipotesis Nol 1c | 214 |
| 4.3.5 | Hipotesis Nol 2 | 216 |
| 4.3.6 | Hipotesis Nol 2a | 217 |
| 4.3.7 | Hipotesis Nol 2b | 218 |
| 4.3.8 | Hipotesis Nol 2c | 219 |
| 4.3.9 | Hipotesis Nol 3 | 220 |
| 4.3.10 | Hipotesis Nol 3a | 221 |
| 4.3.11 | Hipotesis Nol 3b | 222 |
| 4.3.12 | Hipotesis Nol 3c | 223 |
| 4.3.13 | Hipotesis Nol 4 | 224 |
| 4.3.14 | Hipotesis Nol 5 | 225 |
| 4.3.15 | Hipotesis Nol 6 | 225 |
| 4.3.16 | Hipotesis Nol 7 | 225 |
| 4.4 | Rumusan | 226 |
| BAB V : RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DATA, DAN IMPLIKASI PENYELIDIKAN | | |
| 5.0 | Rumusan | 228 |
| 5.1 | Perbincangan Dapatan | 233 |
| 5.1.1 | Kesan Pengajaran Terus Nilai Patriotisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah | 234 |

| | | |
|-------|--|------------|
| 5.1.2 | Kesan Penggunaan Sumber Pengajaran Sejarah Terhadap Pencapaian Patriotisme | 237 |
| 5.1.3 | Kesan Pencapaian Patriotisme Mengikut Etnik | 242 |
| 5.1.4 | Kesan Pencapaian Patriotisme Mengikut Jantina | 244 |
| 5.1.5 | Kesan Interaksi Kumpulan Pengajaran Dan Etnik Terhadap Pencapaian Patriotisme | 246 |
| 5.1.6 | Kesan Interaksi Etnik Dan Jantina Terhadap Pencapaian Patriotisme | 246 |
| 5.1.7 | Kesan Interaksi Kumpulan Pengajaran Dan Jantina Terhadap Pencapaian Patriotisme | 247 |
| 5.1.8 | Kesan Interaksi Kumpulan Pengajaran, Etnik Dan Jantina Terhadap Pencapaian Patriotisme | 249 |
| 5.2 | Implikasi Penyelidikan Kepada Pembelajaran Sejarah | 249 |
| 5.3 | Cadangan Untuk Penyelidikan Selanjutnya | 253 |
| 5.4 | Kesimpulan | 254 |
| | BIBLIOGRAFI | 256 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|------|--|-----|
| 3.1 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Bangga Akan Kemajuan Negara | 180 |
| 3.2 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Bangga Akan Kemajuan Negara (Yang Diterima) | 181 |
| 3.3 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Bangga Akan Sejarah Negara | 182 |
| 3.4 | Koefisien Korelasi dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Bangga Akan Sejarah Negara (Yang Diterima) | 182 |
| 3.5 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Bangga Akan Tradisi Dan Budaya | 183 |
| 3.6 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Bangga Akan Tradisi Dan Budaya (Yang Diterima) | 184 |
| 3.7 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Setia Kepada Negara | 185 |
| 3.8 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Setia Kepada Negara (Yang Diterima) | 185 |
| 3.9 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Setia Kepada Raja Dan Pemimpin Negara | 186 |
| 3.10 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Sedia Berkorban Untuk Bangsa Dan Negara | 187 |
| 3.11 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Sedia Berkorban Untuk Bangsa Dan Negara (Yang Diterima) | 188 |
| 3.12 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Menghormati Simbol Negara | 189 |
| 3.13 | Koefisien Korelasi Dan Indeks Kebolehpercayaan Item Bagi Dimensi Menghormati Simbol Negara (Yang Diterima) | 189 |
| 3.14 | Indeks Kebolehpercayaan Setiap Dimensi Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara Versi Akhir | 191 |
| 4.1 | Bilangan Pemantauan Dan Pencerapan | 195 |
| 4.2 | Laporan Pemantauan Dan Pencerapan Yang Terpilih | 197 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.3 | Beza Min Pencapaian Patriotisme Dan Aspek-aspek Patriotisme Antara Kumpulan | 207 |
| 4.4 | Perbezaan Di Antara Min Pencapaian Patriotisme Dan Aspek-aspek Patriotisme Antara Kumpulan Pengajaran | 208 |
| 4.5 | Keputusan ANOVA Tiga Hala Pada Ukuran Pencapaian Patriotisme | 209 |
| 4.6 | Min Bezantara Markat Pencapaian Patriotisme Mengikut Kumpulan | 210 |
| 4.7 | Keputusan Ujian <i>Post Hoc</i> Pencapaian Patriotisme | 211 |
| 4.8 | Keputusan ANOVA Tiga Hala Pada Ukuran Pencapaian Bangsa Negara | 211 |
| 4.9 | Min Bezantara Markat Pencapaian Bangsa Negara Mengikut Kumpulan | 212 |
| 4.10 | Keputusan Ujian <i>Post Hoc</i> Pencapaian Bangsa Negara | 213 |
| 4.11 | Keputusan ANOVA Tiga Hala Pada Ukuran Pencapaian Setia Negara | 213 |
| 4.12 | Min Bezantara Markat Pencapaian Setia Negara Mengikut Kumpulan | 214 |
| 4.13 | Keputusan ANOVA Tiga Hala Pada Ukuran Pencapaian Hormat Simbol Negara | 215 |
| 4.14 | Min Bezantara Markat Pencapaian Hormat Simbol Negara Mengikut Kumpulan | 216 |
| 4.15 | Keputusan Ujian <i>Post Hoc</i> Pencapaian Hormat Simbol Negara | 216 |
| 4.16 | Min Bezantara Markat Pencapaian Patriotisme Mengikut Etnik | 217 |
| 4.17 | Min Bezantara Markat Pencapaian Bangsa Negara Mengikut Etnik | 218 |
| 4.18 | Min Bezantara Markat Pencapaian Setia Negara Mengikut Etnik | 219 |
| 4.19 | Min Bezantara Markat Pencapaian Hormat Simbol Negara Mengikut Etnik | 219 |
| 4.20 | Min Bezantara Markat Pencapaian Patriotisme Mengikut Jantina | 220 |
| 4.21 | Ujian-t Pencapaian Patriotisme Berdasarkan Jantina Pelajar Pada Ujian Pra | 221 |

| | | |
|------|--|-----|
| 4.22 | Min Bezantara Markat Pencapaian Bangsa Negara Mengikut Jantina | 221 |
| 4.23 | Ujian-t Pencapaian Bangsa Negara Mengikut Jantina Pelajar Pada Ujian Pra | 222 |
| 4.24 | Min Bezantara Markat Pencapaian Setia Negara Mengikut Jantina | 223 |
| 4.25 | Ujian-t Pencapaian Setia Negara Mengikut Jantina Pelajar Pada Ujian Pra | 223 |
| 4.26 | Min Bezantara Markat Pencapaian Hormat Simbol Negara Mengikut Jantina | 224 |
| 4.27 | Keputusan Ujian Hipotesis | 226 |
| 5.1 | Min Pencapaian Patriotisme Berdasarkan Etnik Dan Jantina | 247 |
| 5.2 | Min Pencapaian Patriotisme Berdasarkan Kumpulan Pengajaran Dan Jantina | 248 |

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|---|-----|
| 2.1 | Hieraki Orientasi Nilai Musek (1993) | 43 |
| 2.2 | Kategori Nilai Oleh Zuzovsky et al.(1998) | 44 |
| 2.3 | Model Konseptual Pembinaan Patriotisme Di Malaysia Yang Menunjukkan Penglibatan Sekolah Dan Bukan Sekolah | 74 |
| 2.4 | Kerangka Konseptual Kajian | 139 |
| 2.5 | Kerangka Kajian Menunjukkan Hubungan Antara Pemboleh Ubah Yang Terlibat | 140 |
| 2.6 | Model Kajian Eksperimen Kuasi Yang Digunakan | 148 |
| 3.1 | Reka Bentuk Eksperimen | 152 |
| 3.2 | Reka Letak Angkubah | 154 |
| 3.3 | Jadual Eksperimen Yang Telah Dijalankan | 158 |
| 3.4 | Langkah Kendalian Kumpulan Eksperimen I | 160 |
| 3.5 | Langkah Kendalian Kumpulan Eksperimen II | 163 |
| 3.6 | Langkah Kendalian Kumpulan Kawalan | 166 |
| 3.7 | Pengajaran Yang Diberikan Mengikut Kumpulan | 169 |
| 3.8 | Kumpulan Kajian | 173 |
| 4.1 | Format Pemantauan Dan Pencerapan | 194 |

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|-----|--|-----|
| A 1 | Rancangan Pengajaran Kumpulan Eksperimen I | 271 |
| A 2 | Rancangan Pengajaran Kumpulan Eksperimen II | 327 |
| B 1 | Borang Senarai Semak Pemantauan Dan Pencerapan Guru | 382 |
| B 2 | Borang Senarai Semak Pemantauan Dan Pencerapan Guru (Yang Terpilih) | 384 |
| C 1 | Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara (Versi Asal) | 402 |
| C 2 | Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara (Versi Akhir) | 414 |
| D | Penilaian Pensyarah/Pakar Terhadap Item Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara (Versi Asal) | 424 |
| E 1 | Indeks Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara (Versi Asal) | 427 |
| E 2 | Indeks Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara (Versi Akhir) | 430 |
| F | Jadual Aktiviti Pemantauan Dan Pencerapan | 433 |

KESAN PENGAJARAN TERUS NILAI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH BAGI PENERAPAN PATRIOTISME

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan pengajaran terus nilai patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi tujuan penerapan patriotisme dengan menggunakan sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif (selain buku teks) dan sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks. Reka bentuk kajian ini adalah eksperimen kuasi dengan menggunakan dua kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan. Sejumlah 355 orang pelajar dari tiga buah sekolah menengah dalam satu daerah di Johor telah dipilih sebagai sampel kajian. Kumpulan I (KE I) telah diberikan rawatan pengajaran sejarah dengan menggunakan sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif (selain buku teks), kumpulan II (KE II) diberikan rawatan pengajaran sejarah dengan menggunakan sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks, dan kumpulan III berfungsi sebagai kumpulan kawalan (KK). Data telah diperolehi dengan menggunakan Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara yang dibina oleh penyelidik untuk mengukur tiga aspek patriotisme-bangga negara, setia negara, dan hormat simbol negara. Indeks kebolehpercayaan soal selidik ialah 0.95. Data dianalisis dengan menggunakan pengiraan ANOVA tiga hala dan diikuti ujian perbandingan *pos hoc* berganda. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian patriotisme berasaskan kumpulan rawatan dan kumpulan jantina. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian patriotisme berasaskan kumpulan etnik. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat kesan interaksi dua hala dalam pencapaian patriotisme berasaskan kumpulan rawatan dan etnik, dan interaksi tiga hala berasaskan kumpulan rawatan, etnik dan jantina. Walau bagaimanapun terdapat kesan interaksi yang signifikan dalam pencapaian patriotisme berasaskan kumpulan rawatan dan jantina, dan berasaskan etnik dan jantina. Pengkaji mencadangkan agar mengadakan perbincangan nilai patriotisme secara terus sebagai satu nilai moral, dan menggunakan sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif bagi tujuan penerapan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

THE EFFECTS OF DIRECT VALUES INSTRUCTION IN THE TEACHING AND LEARNING OF HISTORY TO INCULCATE PATRIOTISM

ABSTRACT

The main purpose of this study was to determine the effects of direct instruction on patriotic values in the teaching and learning of history to inculcate patriotism by using multi perspective sources (other than text book) and history text book as history teaching sources. This study employed a quasi-experimental design involving two experimental groups and one control group. A sample of 355 students was selected from three different secondary schools from a district in the state of Johore. Treatment group I (KE I) was given history lessons using multi perspective history teaching sources (other than text book), treatment group II (KE II) was given history lessons using only history text book, while the third group was designated as the control group (KK). Data were collected through a questionnaire ('Soal Selidik Patriotisme Terhadap Negara') developed by the researcher to measure aspects of patriotism-namely pride, loyalty, and respect for national symbols. The questionnaire has a reliability index of 0.95. Data were analyzed by utilizing a three way ANOVA computation followed by post hoc multiple comparison test. The results of this study indicate that there were significant differences in patriotic achievement between treatment groups and gender. However, there was no significant difference in patriotic achievement between ethnic groups. The results also showed there were no significant interaction effects in patriotic achievement between treatment groups, ethnicity, and gender. However there were significant interaction effects in patriotic achievement between treatment groups and gender, and between ethnicity and gender. As a conclusion, the researcher suggested the application of direct discussion of patriotic values as a moral value, and the using of multi perspective history teaching sources to inculcate patriotism in the teaching and learning of history.

Pengenalan.

Sebagai satu pernyataan falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merangkumi unsur-unsur ontologi/metafizik (teori kejadian), epistemologi (teori ilmu), dan aksiologi (teori nilai). Unsur ontologi boleh dikesan apabila FPK menegaskan tentang kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Apabila terdapat pernyataan dalam FPK yang membayangkan tentang pendidikan sebagai satu usaha yang berterusan, ia membayangkan kepentingan mencari ilmu sebagai satu proses seumur hidup, dan ini merujuk kepada unsur epistemologi. Manakala unsur aksiologi boleh dikesan apabila FPK menekankan bentuk rupa rakyat Malaysia yang ingin dicapai iaitu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, dan dapat memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Untuk mencapai hasrat dan tujuan FPK ini, pendekatan yang digunakan dalam sistem pendidikan meliputi secara induktif atau deduktif yang merupakan aspek logik.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi seseorang guru itu terlebih dahulu memahami dengan lebih mendalam tentang pernyataan FPK, untuk memandunya ketika menterjemahkan FPK dan keperluan kurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perkaitan falsafah dengan mata pelajaran KBSM.

FPK adalah acuan yang menentukan bentuk pendidikan yang harus dilaksanakan dalam konteks Malaysia. Sekali gus FPK juga membayangkan hasil pendidikan yang hendak dicapai. FPK yang mendasari penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah sebagai lanjutan kesinambungan Kurikulum Baru Sekolah Rendah, telah memastikan perkaitan unsur falsafah (metafizik, epistemologi, aksiologi, dan logik) dalam setiap mata pelajarannya. Ini boleh dikesan melalui setiap mata pelajaran dalam KBSM. Bagi tugas ini,

penulis akan mengambil contoh pelaksanaan mata pelajaran Sejarah KBSM sebagai asas perbincangan.

a) Cabang metafizik.

KBSM telah mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras, dan wajib diikuti oleh semua pelajar, tidak mengambil kira latar belakang etnik dan aliran. Tujuan pendidikan Sejarah adalah untuk memupuk semangat setia negara (patriotisme) dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia (PPK, 1990). Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air, pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal, mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan, dan memperkukuhkan perasaan cintakan tanah air. Justeru, tidak menghairankan jika mata pelajaran Sejarah dikatakan sebagai pendukung utama kepada penerapan semangat patriotisme dalam konteks pendidikan di sekolah (Abdul Shukor Abdullah, 1998; Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, 1994). Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan senarai objektif mata pelajaran sejarah KBSM, yang satu daripadanya menyatakan objektif pendidikan sejarah adalah untuk membolehkan pelajar memahami dan menghargai ciri-ciri kemasyarakatan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam konteks kehidupan seharian.

Pernyataan tujuan, matlamat dan tujuan pendidikan sejarah ini adalah merupakan unsur metafizik. Metafizik secara mudahnya bermaksud teori kejadian atau hakikat realiti tentang sesuatu. Unsur metafizik menyatakan manusia mempunyai unsur fizikal dan material, di samping ciri spiritual/kerohanian (khususnya dalam hubungan masyarakat Malaysia yang sebahagian besar rakyatnya mempunyai kepercayaan beragama). Untuk itu, kehidupan adalah merupakan proses bagi manusia untuk mengenali diri sendiri dan alam material (melalui pendidikan). Perkaitan tujuan, matlamat, dan objektif mata pelajaran Sejarah KBSM dengan pendidikan di sekolah adalah untuk

mendedahkan kepada para pelakar tentang hakikat bahawa kita adalah rakyat Malaysia dan bertanggungjawab terhadap segala perkara yang berkaitan dengan negara ini.

b) Cabang epistemologi.

Epistemologi sebagai cabang falsafah membincangkan tentang teori mengenai ilmu pengetahuan (contohnya, sumber ilmu dan kaedah mendapat ilmu). Bagi mata pelajaran Sejarah KBSM tingkatan tiga, Huraian Sukatan Pelajaran telah menyatakan antara lain, isi kandungan yang berupa fakta pengetahuan yang hendak didedahkan kepada para pelajar yang memfokus kepada perjuangan rakyat ke arah kemerdekaan tanah air, pembentukan negara Malaysia, dan pengisian kemerdekaan. Contohnya, satu bab diperuntukkan tentang 'Pendudukan Jepun di negara kita' yang merangkumi tentang fakta segala peristiwa yang berlaku semasa pemerintahan Jepun, dan kesan-kesan pemerintahan Jepun. Melalui bab ini, para pelajar diberi pengetahuan tentang fakta segala peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu semasa pemerintahan Jepun. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga membekalkan buku teks sebagai sumber rujukan kepada para pelajar untuk mengetahui kandungan fakta-fakta sejarah tersebut yang selari dengan kehendak kurikulum. Justeru, guru sejarah yang sering dianggap oleh pelajar sebagai pakar tentang ilmu sejarah, sewajarnya mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai bidang ilmu sejarah. Tambahan pula dalam konteks falsafah, guru merupakan salah satu sumber ilmu yang bersifat autoritatif. Dalam kata lain, guru adalah golongan yang dianggap profesional dan diperakui terlatih dalam bidangnya, dan sememangnya diberi kebenaran untuk mengajar di sekolah. Di pihak pelajar pula, guru merupakan golongan yang boleh dipercayai dan tidak diragukan lagi kesahihan fakta yang diberikannya.

Epistemologi juga membicarakan tentang cara untuk mendapatkan ilmu. Dalam konteks pendidikan, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah itu adalah tergolong ke dalam epistemologi. Bagi mata pelajaran

Sejarah, pihak PPK telah menyarankan beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu melibatkan pelajar secara aktif melalui aktiviti-aktiviti seperti:

Antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan ialah syarahan, simulasi, kajian kes, eksperimen, sumbangsaran, perbincangan, projek, main peranan, lakonan, penyelidikan, tunjuk cara, penggunaan sumber, kerja luar dan latih tubi.

(PPK, KPM, 1990, hal. 285)

Jika berdasarkan pernyataan di atas, terdapat pelbagai kaedah yang telah disaran dilakukan kepada guru sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Bahkan kesemua kaedah yang disarankan di atas menumpukan kepada penglibatan aktif para pelajar secara menyeluruh, agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan sesuatu yang menyeronokkan.

c) Cabang aksiologi.

Aksiologi ialah cabang falsafah yang menganalisis sifat, punca dan kepentingan nilai. Ia termasuklah etika (tentang peradaban moral) dan estetika (tentang kesenian dan kehalusan pekerti, kejadian alam serta manusia). Dalam konteks pendidikan mata pelajaran Sejarah KBSM, dalam Huraian Sukatan Mata Pelajaran Sejarah telah dinyatakan senarai nilai-nilai murni masyarakat dan kewarganegaraan yang ingin dipupuk ke atas para pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran sejarah. Bagi tajuk 'Pendudukan Jepun di negara kita', nilai-nilai murni yang hendak dipupuk ke atas pelajar ialah nilai kegigihan, setia negara, ketabahan, kebebasan, berdikari, kerjasama, perpaduan, harmoni, dan keyakinan. Di samping itu, terdapat juga ruang ciri-ciri yang dibanggakan/iktibar sebagai mesej yang perlu ditekankan oleh guru melalui pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kelas. Bagi tajuk 'Pendudukan Jepun di negara kita', mesej iktibar yang hendak disampaikan termasuklah pertahanan yang kukuh penting bagi keutuhan negara, dan berwaspada terhadap muslihat kuasa luar. Pemupukan nilai melalui mata pelajaran Sejarah KBSM ini adalah selari dengan strategi KBSM itu sendiri, yang memasukkan unsur pemupukan dan


penerapan nilai melalui sistem pendidikan negara untuk menghasilkan warganegara Malaysia sebagaimana yang digambarkan dalam FPK.

d) Cabang logik.

Logik ialah pendekatan yang digunakan untuk membuat generalisasi. Logik terbahagi kepada dua iaitu induktif dan deduktif. Pengajaran adalah satu sistem tindakan yang pelbagai dalam aspek bentuk dan kandungan, tetapi menjurus kepada pembelajaran. Segala tindakan dan interaksi di antara guru dan pelajar ini mempunyai satu struktur dan urutan yang tertentu, bersesuaian dengan gambaran yang mencerminkan situasi pengajaran dan pembelajaran. Satu contoh operasi logik dalam pengajaran dan pembelajaran ialah guru membuat pendefinisian ('defining'), pengkelasan, dan penjelasan. Jadi, guru boleh menggunakan pendekatan logik apabila membuat generalisasi, sama ada secara induktif atau deduktif.

Perkaitan segala unsur falsafah (metafizik, epistemologi, aksiologi dan logik) dengan mata pelajaran Sejarah dijelaskan melalui Rajah 1.

Rajah 1. Perkaitan Mata Pelajaran Sejarah KBSM Dengan Falsafah



Penterjemahan FPK dan keperluan kurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Analisis perkaitan di antara mata pelajaran dengan setiap cabang falsafah sebagaimana yang dihasratkan oleh FPK, sebenarnya merupakan sesuatu yang amat perlu diambil perhatian dan dilakukan oleh seseorang guru. Aktiviti ini memungkinkan seseorang guru mendapat pemahaman dan penjelasan tentang tujuan, keluasan dan kedalaman skop, serta garis panduan bagi sesuatu mata pelajaran. Ini dapat memandu seseorang guru itu merangka strategi yang paling berkesan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai seorang pengurus kurikulum bilik darjahnya, seseorang guru itu bertanggungjawab untuk mengambil kira, membuat pertimbangan, menentukan segala keputusan, dan melaksanakan segala prosedur yang perlu sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah.

Perancangan proses pengajaran dan pembelajaran (instruksi) adalah 'subset' kepada perkembangan kurikulum. Wiles dan Bondi (1998) telah menyarankan satu model paradigme instruksi yang mengandungi 6 fasa (3 fasa sebelum pengajaran, 1 fasa semasa pengajaran, 1 fasa selepas pengajaran, dan 1 fasa yang mengambilkira sepanjang kesemua fasa berlangsung).

Fasa 1 memfokus kepada dokumen kurikulum mata pelajaran (kerangka kandungan, sukatan, buku teks, dan panduan) yang merangkumi aktiviti menyemak rancangan kurikulum, menentu dan memilih objektif, serta menyusun kandungan mengikut masa. Ini perlu agar para guru dapat gambaran menyeluruh tentang objektif kurikulum, dan peranan mata pelajaran yang diajarnya dalam proses pendidikan pelajar. Dalam fasa ini, jika seseorang guru itu merupakan guru mata pelajaran Sejarah, maka beliau mestilah telah mahir tentang sukatan dan kandungan ilmu dalam bidang sejarah, agar tugas perancangan pengajaran dapat berjalan lancar. Aktiviti guru ini termasuklah membuat rancangan pengajaran tahunan, mingguan, dan harian. Jika diamati, di

peringkat fasa 1 ini aktiviti guru merangkumi menilai dan penentuan keputusan tentang segala cabang falsafah sesuatu mata pelajaran iaitu berkenaan objektif, isi kandungan, nilai dan pendekatan yang akan dilakukan pada sepanjang tahun (Rancangan Tahunan), dalam seminggu (Rancangan Mingguan), dan pada sesuatu hari (Rancangan Harian). Pertimbangan tentang skop pembelajaran, urutan pembelajaran, keperluan memasukkan perkara lain, keseimbangan pengetahuan dan kemahiran, serta faktor masa harus diambilkira.

Dalam fasa 2, guru harus cuba mencari maklumat untuk menentukan dan mengenali rupabentuk pelajaranya. Penentuan awal perlu dilakukan untuk mengetahui latar pelajar-pelajar yang hendak diajar. Contohnya dari aspek latar belakang, pengetahuan sedia ada, kemahiran yang telah dikuasai, tahap kecerdasan, dan kematangan mereka. Guru juga harus mengambilkira tentang motivasi pelajar dalam menentukan kesesuaian perancangan pengajaran. Tambahan pula guru adalah orang yang akan mengajar di dalam bilik darjah, dan merupakan agen pengawal kualiti yang terakhir dalam perkembangan kurikulum. Bahkan guru sendiri adalah orang yang paling mengenali pelajaranya. Justeru, seseorang guru itu melalui segala maklumat yang telah diperolehi, akan menilai dan merumus keupayaan para pelajaranya, dan seterusnya menentukan kesesuaiannya dengan kurikulum mata pelajaran yang akan diajar. Contohnya, jika perlu seseorang guru itu harus mengubahsuai objektif pengajarannya berdasarkan kesesuaian latar belakang dan keupayaan pelajaranya.

Maklumat latar tentang pelajar amat berguna dalam membantu guru menentukan strategi dan kaedah pengajaran yang difikirkan paling sesuai dan berkesan untuk para pelajaranya. Penentuan strategi dan kaedah pengajaran yang hendak dilakukan adalah aktiviti yang harus dilakukan oleh guru dalam fasa 3. Dalam fasa 3 ini, guru harus menilai kembali ciri-ciri para pelajaranya, contohnya tentang keupayaan dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah, pengetahuan sejarah sedia ada, dan kemahiran sejarah sedia ada pelajar. Pada peringkat ini seseorang guru sudah sepatutnya mempunyai pernyataan 'jika-maka' di dalam

fikirannya. Maksudnya, ' **Jika** aku mengajar tentang tajuk ini tetapi para pelajar aku terdiri daripada mereka yang lambat untuk memahami perkaitan antara fakta, **maka** aku mesti' Dalam erti kata lain, seseorang guru harus menilai situasi para pelajarnya, sebelum menentukan sebarang kaedah dan strategi pengajaran yang hendak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai bentuk kaedah dan strategi yang boleh digunakan. Keadaan ini akan membolehkan para guru memilih kaedah yang paling berkesan dan bersesuaian dengan pelajar yang terlibat.

Dalam fasa 4 pula, baharulah pelaksanaan strategi pengajaran sejarah yang telah dirancang oleh seseorang guru sejarah itu dijalankan dalam keadaan sebenar. Pada ketika ini iaitu sepanjang penyampaian pengajarannya, seseorang guru sejarah itu perlu membuat penyesuaian dan pengubahsuaian berdasarkan keadaan semasa (sewaktu pengajaran) terhadap segala pemboleh ubah yang mungkin mempengaruhi pengajarannya, seperti masa (kurang atau lebih), bahan pengajaran, dan tingkahlaku pelajar. Segala pengubahsuaian perlu dilakukan jika wujud sebarang halangan dalam keadaan semasa yang di luar jangkaan. Ini yang akan menentukan sama ada sesuatu pengajaran itu berjaya atau tidak.

Dalam penyediaan dan perancangan sesuatu pengajaran, para guru wajar menentukan sama ada sesi pengajaran dan pembelajaran itu mencapai objektifnya atau tidak, sebagaimana yang telah ditentukan dalam dokumen kurikulum (sukatan dan buku panduan pengajaran). Maklumbalas amat penting untuk menentukan kejayaan sesuatu pengajaran pembelajaran. Dalam fasa 5 inilah guru perlu mendapat maklumbalas bagi menentukan sama ada para pelajar mendapat pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pengajaran guru. Dalam fasa ini seseorang guru perlu berfikir, memilih dan menentukan cara/alat yang berkesan bagi tujuan penilaian pengajaran yang telah dijalankan. Penilaian juga perlu untuk mengumpul bukti dan maklumat tentang perkembangan para pelajarnya dalam mata pelajaran yang diajar. Pelbagai jenis penilaian boleh

dilaksanakan oleh guru, sama ada berbentuk formatif atau sumatif. Pelbagai kaedah menilai juga boleh dilakukan oleh guru untuk mengesan perkembangan pelajarannya. Cara yang paling mudah ialah ujian pensel kertas dengan soalan yang berbentuk betul salah, atau soalan yang berbentuk objektif, mengisi tempat kosong, atau soalan yang berbentuk esei. Terdapat juga penilaian yang berbentuk potfolio. Walau apa pun cara dan kaedah yang dipilih oleh seseorang guru, segala maklumat yang diperolehi dari penilaian merupakan satu maklumbalas yang amat penting bagi seseorang guru dalam menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam fasa 6 setiap orang guru sejarah perlu menentukan sama ada strategi yang dilaksanakan olehnya berjaya atau tidak. Setiap orang guru sejarah perlu membuat pengubahsuaian jika terdapat halangan yang membatasi kejayaan pengajarannya. Dalam fasa ini setiap guru sejarah perlu menentukan sama ada pengajarannya mencapai objektif yang diharapkan atau tidak.

Perkembangan potensi individu.

FPK memberi penekanan terhadap usaha untuk memperkembangkan potensi individu insan melalui pendidikan. Setiap individu mempunyai empat potensi iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kandungan KBSM (yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai) telah dirancang untuk memperkembangkan potensi individu pelajar secara menyeluruh dan besepadu, agar mereka menjadi insan yang seimbang dan harmonis dalam keempat-empat potensi tersebut. Kenyataan ini jelas dibayangkan melalui FPK.

Pusat perkembangan Kurikulum (2001) menyatakan unsur intelek memberi tumpuan kepada daya berfikir yang meliputi ciri-ciri mempunyai kemahiran asas 3M, mendapatkan, meningkatkan dan menyebarkan ilmu, berfikir secara kreatif dan kritis, dan memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain. Unsur rohani pula berkait dengan sifat kejiwaan dan kebatinan ilmu yang merangkumi menyedari

dan menginsafi adanya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin sendiri, dan membentuk akhlak mulia. Unsur emosi adalah perasaan jiwa yang kuat meliputi ciri-ciri perasaan tenang dan tingkahlaku terkawal, memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang, memiliki semangat kekitaan dan perpaduan, dan menghargai serta menilai keindahan dan kesenian. Unsur jasmani memberi tumpuan kepada perkembangan tubuh badan yang sihat iaitu menjaga kesihatan badan, melakukan riadah, mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal dan manipulatif, memanfaatkan tenaga fizikal untuk berdikari, menggunakan tenaga fizikal bagi kepentingan masyarakat, dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran.

Bagaimanakah mata pelajaran dalam KBSM mampu memperkembangkan potensi individu insan? Melalui mata pelajaran Sejarah KBSM, perkembangan unsur intelek boleh dilakukan melalui kandungan mata pelajaran Sejarah itu sendiri. Kemahiran membaca dan menulis boleh diperkukuhkan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah. Melalui tajuk 'Pendudukan Jepun di negara kita', para pelajar boleh melakukan pembacaan tentang segala peristiwa yang berlaku pada zaman itu, sama ada dari buku teks sejarah, ataupun sumber-sumber sejarah lain yang berkaitan dan bersesuaian. Selepas pembacaan, para pelajar boleh melakukan aktiviti penulisan nota atau pun menjawab soalan tugas. Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah tersebut, para pelajar akan mengetahui dan mendapat pengetahuan tentang segala peristiwa yang berlaku di negara kita sewaktu pemerintahan Jepun, khususnya tentang penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh penduduk Tanah Melayu pada ketika itu. Melalui kandungan sejarah tersebut, para pelajar mampu memberikan pandangan dan berbicara tentang pentadbiran Jepun di Tanah Melayu, dan juga kesan pendudukan Jepun.

Melalui pembelajaran tajuk 'Pendudukan Jepun di negara kita', para pelajar akan menyedari dan menginsafi tentang peranan yang sepatutnya dimainkan sebagai

seorang rakyat Malaysia. Contohnya, kezaliman dan penderitaan yang dialami oleh rakyat Tanah Melayu sewaktu pendudukan Jepun dalam masa Perang Dunia Kedua, menunjukkan bahawa kita harus berwaspada terhadap muslihat kuasa luar, untuk memastikan negara kita sentiada bebas. Untuk itu, pertahanan yang kukuh penting bagi keutuhan negara. Dengan kata lain, segala ciri dan iktibar dari peristiwa sejarah perlu diambil perhatian. Langkah yang paling baik dilakukan ialah dengan memupuk dan membina disiplin sendiri yang baik, oleh setiap warganegara Malaysia bermula dari bangku sekolah lagi untuk memastikan ketahanan nasional yang kental. Semua ini menjurus kepada perkembangan unsur rohani yang baik.

Dengan pelaksanaan KBSM, mata pelajaran Sejarah dianggap pendukung utama kepada penerapan semangat patriotisme di kalangan pelajar di sekolah. Oleh yang demikian, mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai mata pelajaran teras yang mesti diikuti oleh semua pelajar. Melalui pembelajaran Sejarah, para pelajar diharap dapat memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Melalui pengetahuan sejarah yang dipelajari, para pelajar diharap dapat menghayati segala peristiwa sejarah tanah air dan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan terhadap masyarakat Malaysia seluruhnya. Melalui pembelajaran tajuk 'Pendudukan Jepun di negara kita' umpamanya, para pelajar diterapkan nilai tentang betapa pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia memelihara keharmonian kehidupan berbilang kaum dan perpaduan rakyat, agar suasana penderitaan kehidupan yang dirasai sewaktu pendudukan Jepun tidak akan berulang lagi. Dengan cara ini potensi emosi pelajar dapat dikembangkan.

Perkembangan unsur jasmani lebih memfokus kepada aktiviti yang berbentuk fizikal. Melalui pembelajaran sejarah, para pelajar juga terlibat dalam aktiviti yang berbentuk fizikal. Contohnya, apabila melakukan kajian tugas kerja kursus di luar sekolah, yang mana aktiviti ini telah mula didedahkan kepada para pelajar apabila mereka melangkah ke sekolah menengah. Para pelajar akan melakukan

pelbagai aktiviti, seperti pemilihan sumber (sama ada tokoh, sumber bertulis atau artifak), melakukan temubual, mengambil gambar, dan melukis ketika menjalankan kajian dan menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh guru. Semua aktiviti ini memerlukan tahap kesihatan fizikal tubuh badan pelajar yang baik, berdikari dalam menghasilkan sebuah tugas kerja kursus yang baik.

Perkaitan pembelajaran sejarah dengan keempat-empat potensi individu pelajar boleh dijelaskan melalui Rajah 2. Oleh yang demikian, melalui pembelajaran Sejarah KBSM para pelajar bukan hanya disogokkan tentang pengetahuan dalam bentuk fakta-fakta sejarah semata-mata yang memfokus kepada potensi intelek, namun kewujudan fakulti-fakulti lain dalam diri manusia (rohani, emosi dan jasmani) turut diambilkira perkembangannya. Kesemua potensi individu pelajar telah dirancang dan diberi panduan untuk dikembangkan secara seimbang, menyeluruh, bersepadu, dan harmonis dalam proses untuk menyediakan pelajar sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab. Cuma persoalan yang timbul ialah, apakah segala perkara ini sememangnya telah diambil perhatian oleh para guru sejarah yang menjadi pengurus dan

Rajah 2. Perkaitan Mata Pelajaran Sejarah KBSM dengan Potensi Pelajar.



pelaksana kurikulum mata pelajaran Sejarah, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah di bilik darjah?

Sesungguhnya proses perkembangan potensi individu pelajar bukan sahaja berlaku dalam situasi pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam bilik darjah sahaja, tetapi usaha-usaha peneguhan telah dicadang agar dilakukan secara berterusan. KBSM telah menegaskan penekanan aspek kesepaduan antara pengalaman dan kesan pembelajaran dalam bilik darjah dengan aktiviti di luar bilik darjah, alam persekitaran dan pengalaman hidup seharian pelajar (PPK, 1990). Contohnya, proses pengajaran dan pembelajaran sejarah mengenai sesuatu tajuk dalam bilik darjah, boleh dilanjutkan dengan aktiviti peneguhan melalui lawatan ke tempat-tempat bersejarah, membuat penyelidikan dan penulisan sejarah bercorak tempatan, dan juga melalui aktiviti Persatuan Sejarah. Secara tidak langsung dengan melakukan aktiviti-aktiviti tersebut perkembangan potensi pelajar dapat terus dikembang dan diteguhkan.

Hasrat KBSM untuk melahirkan insan yang baik yang berkembang secara harmonis serta seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi juga mementingkan suasana sekolah yang sesuai (PPK, 1990). Suasana sekolah yang dimaksudkan adalah keadaan persekitaran yang selesa, tenteram, mesra, riang dan pembelajaran yang lancar dan pembentukan fizik, intelek, perwatakan dan sahsiah penuntut seperti yang dihasratkan. Oleh yang demikian Budaya atau Iklim Sekolah yang baik merangkumi aspek-aspek fizikal, sosial, budaya ilmu, dan penggunaan bahasa. Ciri-ciri fizikal sekolah yang baik ditunjukkan melalui kebersihan, keselamatan, penggunaan kemudahan dengan baik dan secara inovatif dan kreatif, keselesaan, dan keindahan. Aspek sosial sekolah pula meliputi ciri-ciri hormat-menghormati, rasa tanggungjawab, bekerjasama, kekitaan / kebangsaan / kesetiaan / perpaduan, kemesraan dan keriang, serta keadilan. Aspek budaya ilmu pula mementingkan ciri-ciri semangat mahu belajar, dan rangsangan untuk belajar dari sekolah. Penggunaan bahasa di sekolah pula


mengutamakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Bahkan KBSM telah menyediakan panduan borang pengesanan laporan tentang Budaya Sekolah.

Jika diteliti, hasrat FPK dan penggubalan KBSM untuk melahirkan insan yang berkembang secara harmonis serta seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani bukan hanya berdasarkan penyaluran ilmu pengetahuan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah semata-mata, tetapi juga meliputi usaha yang menyeluruh melangkaui hingga ke luar bilik darjah dan budaya sekolah itu sendiri. Jika mata pelajaran Sejarah KBSM dijadikan contoh (asas perbincangan dalam tugas ini), maka proses memperkembangkan potensi individu pelajar itu telah bermula dari pernyataan objektif mata pelajaran Sejarah itu sendiri dalam kurikulum KBSM, sehinggalah kepada usaha peneguhannya melalui aktiviti di luar bilik darjah, dan Budaya Sekolah. Pernyataan ini dijelaskan melalui Rajah 3.

Jika diamati, pernyataan FPK yang mendasari penggubalan KBSR dan KBSM mengarah kepada pendekatan 'nontechnical' dalam perkembangan kurikulum, iaitu secara holistik. Pendekatan secara holistik mementingkan individu pelajar itu sendiri sebagai fokus kurikulum (Ornstein dan Hunkins, 1998). Pendekatan ini mengutamakan asas psikologi pembelajaran secara humanistik. Pembelajaran secara humanistik berkisar dari cadangan tiga orang ahli psikologi iaitu Abraham Maslow, Carl Rogers, dan Louis Raths. Maslow telah mencadangkan 'Self-actualizing persons' iaitu mengenai hirarki keperluan manusia yang mengarah tingkahlaku. Rogers pula mencadangkan 'Becoming a person' (manusia terdedah kepada pengalaman, memperkembang kepercayaan, dan menerima sendiri sendiri) dan 'Freedom to learn' (untuk menjadi 'full person'). Raths telah mencadangkan 'Value clarification' (menganalisis 'personal preferences' dan isu moral untuk menentukan nilai seseorang).

Kurikulum pembelajaran humanistik berpandangan pelajar sebagai individu yang mempunyai kepelbagaian keperluan, keupayaan, dan sikap. 'Self-concept' dan

Rajah 3. Hubungan Mata Pelajaran Sejarah KBSM Dengan Potensi Individu



'self-esteem' adalah faktor yang amat penting dalam pembelajaran. Pembelajaran adalah secara holistik, iaitu bukan sahaja melibatkan kognitif semata-mata, tetapi juga emosi, perasaan, dan kemahiran psikomotor. Pembelajaran berlangsung dalam keadaan mesra dan interaksi guru-pelajar yang demokratik. Kualiti atau proses pembelajaran itu amat dipentingkan daripada kuantiti atau hasil pembelajaran, dan ini bermaksud guru perlu mendidik pelajar. Kurikulum humanistik ini menunjukkan berlakunya peralihan dalam kurikulum, daripada penekanan kurikulum kepada disiplin ilmu dan yang berbentuk akademik, kepada kurikulum yang memfokus kepada perkembangan individu secara menyeluruh (Abu Bakar dan Ikhsan, 2003).

Apabila dikatakan pendidikan sebagai proses untuk memperkembangkan keempat-empat potensi individu pelajar secara menyeluruh, ini tidak bermakna setiap potensi pelajar itu perlu dikembangkan ke tahap seratus peratus kesemuanya. Ini adalah sesuatu yang mustahil dilakukan, kerana dalam setiap topik pengajaran bagi sesuatu mata pelajaran tumpuan setiap potensi manusia adalah berubah-ubah. Umpamanya, bagi topik 'Pendudukan Jepun di negara kita' dalam mata pelajaran Sejarah KBSM tingkatan tiga, usaha memperkembang potensi intelek, rohani, dan jasmani adalah lebih menonjol daripada potensi jasmani. Ini membawa implikasi bahawa setiap sesi pengajaran dan pembelajaran itu memfokus kepada usaha memperkembang kesemua potensi individu pelajar, tetapi dengan kadar nisbah wajar yang sepadan dan bersesuaian. Namun dalam setiap sesi pengajaran itu mesti terdapat usaha guru untuk memperkembang kesemua potensi pelajar agar ia seimbang dan menyeluruh. Di sinilah juga proses menyepadukan kesemua potensi itu secara seimbang menjadi ketara, kerana itu sebenarnya realiti kehidupan manusia.

Kesimpulan.

Seseorang guru harus memahami FPK terlebih dahulu secara mendalam, baharulah proses menterjemah segala keperluan kurikulum pengajaran itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dalam merangka proses pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi FPK dan keperluan kurikulum amat perlu dalam merancang sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum sesuatu mata pelajaran yang mengandungi aspek kandungan, kemahiran dan nilai adalah seimbang dari segi teori dan amalan bagi memungkinkan perkembangan individu pelajar secara holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmaninya. Segalanya bergantung kepada kebijaksanaan seseorang guru itu sebagai pengurus kurikulum bilik darjahnya dalam proses perkembangan kurikulum.

BIBLIOGRAFI

Abdul Shukor Abdullah, (1998) *Perubahan dan Hala Tuju Kurikulum Sejarah. Kertas Kerja di Simposium Kebangsaan Ilmu Sejarah, 30-31 Oktober, 1998*, Anjuran Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Abu Bakar Noordin dan Ikhsan Othman. (2003) *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Tanjung Malim : Quantum Books.

Ornstein, A.C. dan Hunkins, F.P. (1998) *Curriculum : Foundations, Principles, And Issues*. (Edisi Ketiga). Needham Heights, MA, USA : Allyn & Bacon.

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990) *Pukal Latihan KBSM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001) *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*.

Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin. (1994) *Ke Arah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni Dalam KBSM. Dalam Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*, diedit oleh Abu Bakar Noordin. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Wiles, J. dan Bondi, J. (1998) *Curriculum Development : A Guide to Practise*. New Jersey : Prentice-Hall, Inc.

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Masalah

Parsons (1977) menyatakan tradisionalisme akan terhakis kerana modenisme, disebabkan faktor dunia sejagat. Giddens (1990) menghujahkan bahawa kesan utama hasil daripada proses pemodenan ialah globalisasi. Manakala Toffler dalam *Power Shift* (1991) berpendapat, kuasa bukan lagi faktor mutlak yang menjelaskan kita sebagai individu dan negara. Kesemua pandangan ini mengarah kepada tanggapan betapa hebatnya proses globalisasi yang melanda dunia pada masa kini, di milenium baru. Globalisasi, kesejagatan atau dunia tanpa sempadan membawa konotasi bahawa kewujudan negara bangsa yang semakin kurang penting. Ohmae (1995) melabel kewujudan negara bangsa pada masa kini laksana dinosur yang sedang menunggu ajal kerana arus globalisasi yang melanda dunia.

Daripada perspektif yang lain pula, khususnya menjelang penghujung abad yang ke-20, terdapat seruan dan kesedaran akan kepentingan negara bangsa dan kedaulatan nasional. Umpamanya di United Kingdom, perdebatan tentang kurikulum nasional menjadi hangat, di samping isu penggunaan mata wang tunggal di Eropah iaitu Euro, dan penyerahan status Hong Kong kepada Republik Rakyat Cina (McKiernan, 1993). Di Russia pula, dalam era pos-Soviet, telah diadakan satu persidangan pada tahun 1999, untuk membentuk satu ideologi nasional yang baru, dengan menjadikan patriotisme sebagai asasnya (Sharpe, 2001). Yang terbaru ialah di Amerika Syarikat, iaitu selepas serangan

11 September, 2001, seruan terhadap patriotisme di kalangan rakyatnya menjadi semakin ketara (Euben, 2002; Parker, 2002).

Jika kita meneliti segala perkembangan ini, apakah benar konsep globalisasi itu akan melenyapkan kepentingan kewujudan negara bangsa? Suatu yang menarik ialah berdasarkan sebagaimana yang telah dikatakan oleh De Cillia, Reisiigl, dan Wodak (1999) iaitu:

'Proses globalisasi nampaknya perlu diiringi dengan melihat semula dan mengukuhkan masa lalu dan ciri komuniti pra-modern, tentang perasaan patriotisme yang penuh beremosi dan diwarisi terhadap negara sendiri.'

(De Cillia, Reisiigl, dan Wodak, 1999, hal. 170)

Walaupun pada zaman ini sering dilaungkan slogan globalisasi, dan dunia tanpa sempadan, tetapi semangat patriotik dan cintakan tanah air yang positif perlu juga dipupuk, khususnya dalam konteks negara kita Malaysia.

Abdul Rahman Embong (1997) ketika membincangkan hal ini, menyatakan :

'Nasionalisme pada zaman ini ialah nasionalisme yang progresif dan terbuka terhadap luar, tetapi tetap memelihara keutuhan dan kekuatan dalaman serta kedaulatan sempadan negara sendiri, dan waspada terhadap agenda politik kuasa-kuasa luar di sebalik proses globalisasi dan lagu 'desa sejagat' mereka.'

(Abdul Rahman Embong, 1997, hal. 64)

Dalam keadaan negara kita yang berbilang kaum, gerakan nasionalisme masih perlu dibina semula, bukan hanya untuk menghadapi masalah dan cabaran pembangunan kini, tetapi juga untuk menghadapi masalah perpaduan kebangsaan (Jomo, 1996). Semangat patriotik dapat dijadikan benteng untuk menangkis ancaman dan kebanjiran gejala negatif akibat daripada proses

internasionalisme dan globalisasi (Abdul Shukor Abdullah, 1998). Seiring dengan ini, satu Kongres Patriotisme Negara telah diadakan pada 24-26 Oktober, 2002 yang membincangkan tentang segala aspek berkaitan dengan patriotisme. Satu resolusi penting daripada kongres tersebut yang telah dibawa kepada perbincangan di peringkat Kabinet, ialah mewajibkan pelajar-pelajar yang berumur 17 tahun ke atas, terlibat dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bermula pada tahun 2004, dengan tujuan untuk meningkatkan rasa cinta mereka kepada negara atau patriotisme.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penyemaian semangat patriotisme sebagai salah satu matlamat sistem pendidikan negara sememangnya dapat dikesan. Hala tuju pendidikan negara Malaysia telah dijelaskan sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Jika kita mengamati pernyataan FPK, rangkaikata terakhir FPK berbunyi seperti berikut:

‘... . serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.’

(PPK, KPM, 2001, hal. 5)

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) ketika memberi huraian tentang rangkaikata ini, telah menggariskan tujuh aspek yang termasuk dalam pengertiannya. Salah satunya ialah bersemangat patriotik dan cintakan negara. Oleh yang demikian, adalah jelas salah satu fungsi pendidikan di Malaysia ialah untuk mendidik warganya agar mempunyai semangat patriotik dan cintakan negara. Ini bersesuaian dengan fungsi pendidikan sebagai institusi yang menentukan kesinambungan budaya dan norma yang telah dipersetujui antara ahli-ahlinya.

1.1 Pernyataan Masalah

Sejak dari Penyata Razak (1956), Akta Pelajaran (1961), Laporan Rahman Talib (1960), sehingga kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), sistem pendidikan negara memberi tumpuan kepada dua matlamat utama yang ingin dicapai melalui pendidikan, iaitu perpaduan negara dan penghasilan tenaga rakyat (Zainal Kling, 1994). Namun demikian, Laporan Jawatankuasa Kabinet telah mencetuskan satu lagi matlamat yang perlu dicapai melalui sistem pendidikan negara, iaitu pendidikan akhlak dan moral. Ini terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang berbunyi:

'Untuk kepentingan pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap, bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik, sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.'

(Dalam Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994, hal.132-133)

Kebimbangan yang disuarakan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet tentang pembentukan akhlak ada rasionalnya. Pada ketika itu berlakunya kemerosotan disiplin di sekolah-sekolah, dan kebimbangan kerajaan terhadap penyalahgunaan dadah yang meningkat dengan hebatnya di kalangan remaja dan belia (PPK, 1988). Pendidikan di sekolah didapati berat sebelah, dengan tumpuan penekanan yang tidak seimbang antara ilmu pengetahuan dan sahsiah pelajar. Ini boleh dikesan berdasarkan pernyataan yang berbunyi:

'Di samping itu, di antara ciri-ciri yang terdapat dalam kurikulum sekarang ialah kandungannya yang terlalu memberatkan ilmu pengetahuan akademik, dan penekanan yang berlebihan terhadap persediaan untuk pelajaran tinggi. Penekanan yang berlebihan ini telah menyebabkan kurangnya tumpuan kepada perkembangan watak dan sahsiah pelajar.'

(PPK, KPM, 1990, hal. 144)

Justeru, wajah manusia yang ingin dijelmakan melalui sistem pendidikan negara sebagai idealisme yang harus diperjuangkan, dinyatakan secara rasmi pada tahun 1987 dengan perisytiharan Falsafah Pendidikan Negara (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994). Pernyataan Falsafah ini berbunyi seperti berikut:

'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.'

(PPK, KPM, 1988, hal. 7)

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, individu yang ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan negara adalah individu insan yang baik dan sempurna. Individu yang baik ialah individu yang dapat bertingkahtaku berdasarkan intelek, rohani, emosi dan jasmani yang seimbang dengan berpaksikan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sudah semestinya insan yang baik akan secara automatik menjadi warganegara Malaysia yang baik (PPK, 1988). Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan telah menggunakan strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum. Penerapan nilai-nilai murni boleh dilakukan melalui pelbagai cara iaitu:

‘... . nilai-nilai murni akan disisipkan melalui semua mata pelajaran dan ia diperkukuhkan pula melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya sekolah yang positif.’

(Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994, hal. 137)

Pendekatan Kementerian Pendidikan untuk menerapkan nilai-nilai murni ini dinyatakan secara jelas dan sengaja. Sebagai asasnya, Kementerian Pendidikan telah memutuskan untuk menerapkan 16 nilai-nilai murni yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pendidikan Akhlak (1976) sebagaimana terkandung dalam pelbagai agama yang diamalkan di negara ini, dan boleh diajarkan kepada semua pelajar di negara ini (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994).

Skop nilai murni yang ingin diterapkan melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah tidak terbatas, tetapi bersifat sepadu yang meliputi kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan (PPK, 1988; PPK, 1990). Ini menggambarkan matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang baik. Insan yang baik sekaligus akan menjadi rakyat dan juga warganegara yang baik (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994). Insan dan warganegara yang baik mampu memberi sumbangan kepada negara. Sebagaimana dinyatakan dalam frasa terakhir Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Laporan Jawatankuasa Kabinet itu sendiri telah menghuraikan ciri-ciri seorang warganegara yang baik, iaitu:

‘(a) Keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai

kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia;

(b) Menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, bersedia bekerja atau membuat sesuatu hingga sempurna, menghormati hak-hak individu, mengamalkan tingkahlaku yang baik dan tidak menjejaskan kepentingan orang lain, menghormati dan mempunyai semangat memperbaiki keadaan secara membina, dan bersedia berkhidmat untuk negara;

(c) Boleh menyertai dengan berkesan dalam kegiatan pembangunan negara.'

(PPK, KPM, 1988, hal. 2)

Kesimpulannya, warganegara yang baik sudah semestinya merupakan individu yang menyayangi negaranya sendiri, dan mempunyai semangat patriotik. Elemen kewarganegaraan yang diterapkan dalam strategi penerapan nilai KBSM adalah untuk menampung kelemahan yang terdapat dalam kurikulum sekolah menengah yang terdahulu. Sebagaimana dinyatakan iaitu:

'Kurikulum sekolah menengah yang ada sekarang didapati kurang menekankan nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang membolehkan pelajar menjadi warganegara yang bersemangat setianegara dan berakhlak mulia.'

(PPK, KPM, 1990, hal.144)

Usaha memasukkan pendidikan semangat cintakan negara dan semangat patriotik dalam penerapan nilai KBSM adalah tepat. Musek (1993; dalam Pucko dan Polak, 1998) dan Zuzovsky, Yakir dan Gottlieb (1998) telah membuktikan melalui kajian mereka bahawa unsur patriotisme itu sememangnya tergolong ke dalam aspek nilai. Dalam konteks pendidikan dan mata pelajaran di sekolah, penerapan unsur nilai patriotisme paling sesuai dilakukan melalui mata pelajaran Sejarah. Abdul Shukor Abdullah (1998) ketika membincangkan hal ini, menyatakan :

'Bagi memastikan perkembangan pelajar adalah secara menyeluruh dan seimbang, penekanan perlu dibuat kepada usaha pemupukan nilai dan semangat patriotisme. Mata pelajaran yang menjadi pendukung utama kepada usaha ini adalah mata pelajaran Sejarah, di samping usaha pemupukan patriotisme yang dilakukan melalui pendekatan menyeluruh dan merentasi kurikulum.'

(Abdul Shukor Abdullah, 1998, hal. 11-12)

Manakala Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin pula menyatakan :

'Pendidikan sejarah boleh dijadikan sebagai pendukung utama pemupukan semangat kewarganegaraan dan patriotisme serta dapat membangkitkan semangat nasionalisme.'

(Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1992, hal. 21)

Smith (1992) menyatakan terdapat lima komponen yang membentuk identiti nasional sesebuah negara, iaitu satu kawasan atau tanah air, memori yang dikongsi bersama (mitos dan sejarah), satu bentuk budaya, pembahagian buruh berdasarkan kawasan, dan satu bentuk sistem perundangan serta politik. Berdasarkan tafsiran Smith (1992) ini, unsur sejarah merupakan sesuatu yang penting dan mampu menyumbang kepada pembentukan identiti nasional sesebuah negara. Ini ditambah dengan kandungan sejarah sesebuah negara itu yang merakam segala peristiwa sejak kewujudannya. Ini termasuklah ciri-ciri budaya yang diamalkan dalam negara tersebut, yang mana ia boleh dijemakan menjadi semangat kebangsaan (Penrose, 1993).

Hubungan mata pelajaran Sejarah dengan sumbangan terhadap perasaan patriotisme telah disokong oleh ramai tokoh (Oliver dan Shaver, 1966; Seixas, 1993a; Phillips, 1998b; Mohd Yusuf Ibrahim, 2000). Justeru, tidak menghairankan kalau dalam konteks pendidikan di negara kita, tujuan pembelajaran sejarah dinyatakan sebagai:

'Matlamat pendidikan Sejarah adalah untuk memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.'

(Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Ting, II, 1995, hal. xiii)

Pernyataan di atas diperkuatkan lagi dengan huraian hubungkait antara mata pelajaran Sejarah dengan pemupukan nilai, sikap dan semangat patriotik, sebagaimana dijelaskan oleh kenyataan berikut:

'iii. Pemupukan nilai, sikap dan semangat patriotik

Mata pelajaran Sejarah merupakan pendukung utama pemupukan patriotisme dan semangat kewarganegaraan. Dalam pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlulah dibuat ke atas aspek nilai dan iktibar daripada pengalaman sejarah untuk memupuk semangat setia negara, kebanggaan dan keperibadian sebagai rakyat Malaysia.'

(Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM. Tingkatan II, 1995, hal.xi)

Dalam hal ini, kurikulum pendidikan sejarah KBSM didapati menjurus kepada pembinaan domain afektif, selain daripada kognitif pelajar. Pembinaan domain afektif melihat peranan sejarah sebagai *medium transmission* untuk mempengaruhi dan mencorakkan perkembangan sahsiah dan perlakuan pelajar daripada segi perasaan, sikap, motif, moral simpati, empati apresiasi dan aspek keperibadian. Abu Bakar Nordin (1995) pula menyatakan cintakan negara sebagai tergolong ke dalam nilai afektif. Pendidikan sejarah yang menjurus kepada pembinaan asas mental *replicative* dan *associative* dapat mempertingkatkan celik budaya di kalangan pelajar (Abdul Ghapa, 1992). Apabila pendidikan sejarah berperanan sebagai unsur celik budaya, para pelajar akan menyedari bahawa latarbelakang budaya mampu untuk memberikan satu set *reference points* yang dapat membenarkan individu pelajar untuk turut serta dalam perbincangan (Hirsch, 1987), dan membuat perbandingan serta penilaian tentang sebarang isu yang mempunyai kaitan

dengan unsur sejarah (Seixas, 1993a). Jelas, halatuju pendidikan sejarah kepada perkembangan celik budaya berfungsi sebagai *citizenship transmission*, yang bertujuan untuk membentuk generasi warganegara masa hadapan yang dapat memastikan survival budaya (Barr, Barth, dan Shermis, 1977). Oleh yang demikian, adalah wajar mata pelajaran Sejarah berstatus sebagai mata pelajaran teras dalam KBSM, yang perlu diikuti oleh semua pelajar sehingga ke peringkat menengah atas.

Terdapat kajian yang telah menunjukkan keupayaan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah mampu meningkatkan komponen afektif pelajar. Umpamanya Goalen (1997) yang mendapati terdapat tajuk dalam pembelajaran sejarah di sekolah mampu meningkatkan rasa bangga pelajar. Booth (1980) pula mendapati pengajaran dan pembelajaran sejarah yang aktif dapat meningkatkan komponen afektif pelajar. Manakala Haminah (1999) mendapati sebahagian besar para pelajar memahami kebanyakan unsur-unsur patriotisme melalui pembelajaran sejarah.

Walaupun dengan bermulanya pelaksanaan KBSM bermakna bermulalah strategi penerapan nilai secara sepadu merentas kurikulum, malangnya dapatan kajian-kajian lalu tidak menunjukkan perkara ini berlaku. Didapati sewaktu pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM, guru lebih mengutamakan kepada penyampaian fakta sejarah (Abdul Shukor Abdullah, 1998), dan pengajaran masih lagi terikat dan berpusat kepada guru (Jemaah Nazir Persekutuan, 1993, 1994, 1995; dalam Abdul Shukor Abdullah, 1998). Kajian Annuar (2000; dalam Annuar dan Nur Atiqah, 2001) terhadap 25 orang

guru sejarah, mendapati tiada seorang guru pun yang secara berterusan menerapkan nilai patriotisme dalam pengajaran sejarah kepada pelajar mereka. Kajian Hassan Haris, Abdullah Mohd. Noor, dan Puteh Mohamad (1993) pula mendapati para guru sejarah lebih memberi keutamaan kepada isi pengajaran, daripada melakukan penerapan nilai murni (termasuk nilai patriotisme) dalam pengajaran mereka. Malah Haminah (1999) mendapati terdapat para pelajar di peringkat menengah atas yang tidak memahami unsur-unsur patriotisme, seperti aspek lambang-lambang negara, berani dan sanggup mempertahankan bangsa dan negara, peka terhadap masalah isu bangsa dan negara, muhibbah, serta mempertahankan dan menjunjung perlembagaan negara. Kajian Bhasah (2000) terhadap pelaksanaan Kerja Kursus Sejarah di Peringkat Menengah Rendah, mendapati aspek yang sukar dilaksanakan oleh pelajar daripada perspektif guru sejarah ialah menghayati peristiwa sejarah, menghayati iktibar daripada peristiwa sejarah, dan mengamalkan unsur-unsur kesetiaan serta bersatu padu.

Mengapa tidak, jika tujuan mata pelajaran Sejarah KBSM adalah ke arah penerapan nilai dan patriotisme, maka diperuntukkan secara terus (langsung) dalam setiap kali pengajaran dan pembelajaran sejarah, ruang untuk perbincangan tentang penerapan nilai patriotisme secara terus melalui isi pelajaran yang telah dipelajari? Contohnya, dalam setiap kali pengajaran dan pembelajaran sejarah itu, 5-10 minit yang terakhir diperuntukkan untuk membincangkan tentang hal yang berkaitan dengan iktibar daripada sesuatu peristiwa sejarah yang dipelajari dan penerapan nilai patriotisme secara terus dilakukan. Ini selaras dengan saranan PPK ketika menghuraikan Falsafah

Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1988), apabila menjelaskan aspek nilai menyatakan :

‘Penerapan nilai-nilai murni dilakukan secara sedar dan sengaja. Nilai-nilai murni yang ditegaskan meliputi kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan.’
(PPK, KPM, 1988, hal. 13)

Pengajaran nilai memerlukan pelajar sedar akan komitmen yang diperlukan daripada mereka (Silcock dan Duncan, 2001), dan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah sepatutnya para pelajar telah menyedari dari awal lagi tujuan mengapa belajar sejarah (VanSledright, 1997). Lickona (1993) yang mengasaskan *Character Education*, telah mencadangkan pengajaran nilai secara terus (*direct instruction*). Brabeck dan Kenny (1994) telah membuktikan penggunaan fakta sejarah dalam pengajaran nilai mampu meningkatkan perkembangan moral para pelajar. Berbagai-bagai teknik boleh digunakan, contohnya perbincangan nilai secara terus yang dikaitkan dengan isi pelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini cuba untuk membuat eksperimen dengan menerapkan patriotisme sebagai unsur nilai secara terus dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Ini bermakna para pelajar akan mengetahui dan menyedari unsur nilai patriotisme yang terdapat daripada sesuatu peristiwa sejarah yang dipelajari.

Oleh kerana berdasarkan dapatan kajian lalu didapati dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah, guru tidak mengkhusus kepada penerapan nilai patriotisme secara langsung dan berkala, persoalan yang timbul ialah bagaimana para pelajar memperoleh unsur nilai patriotisme? Adakah kemungkinan para pelajar memperoleh nilai patriotisme daripada pelbagai

sumber pengetahuan yang wujud di luar kawasan dan waktu persekolahan. Terdapat tanggapan yang mengaitkan kewujudan pelbagai sumber pengetahuan yang mengandungi unsur sejarah, yang ditemui oleh pelajar di luar sekolah juga mampu menyumbang kepada penerapan patriotisme (Phillips, 1998a; Wan Hashim Wan Teh, 2002; Abdul Rahman Hamid, 2002). Contohnya, keluarga, media dan sumber yang bercorak tempatan, seperti orang ramai dan monumen (Barton, 1995; dalam Voss, 1998b; Voss, 1998b). Kewujudan pelbagai sumber pengetahuan yang mengandungi unsur sejarah ini cuba memberikan gambaran sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku berdasarkan perspektif tersendiri. Kenyataan ini ada kebenarannya jika dilihat tentang kesan pelbagai sumber pengetahuan yang mempunyai unsur sejarah yang terdapat di luar sekolah terhadap kefahaman sejarah para pelajar juga signifikan berdasarkan beberapa hasil kajian (Barton, 1995, dalam Voss, 1998b; Epstein, 1998). Justeru, untuk menilai akan kebenaran kenyataan yang menyatakan bahawa terdapat sumber-sumber pengetahuan yang mengandungi unsur sejarah yang terdapat di luar sekolah mampu menyumbang kepada patriotisme, adalah wajar dijalankan kajian dengan bukti empirikal.

Satu kajian eksperimen boleh dilakukan untuk membuktikan hal ini dengan menggunakan sumber-sumber pengetahuan yang dipercayai mengandungi unsur sejarah dijadikan sumber pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Hadyn, Arthur dan Hunt (2001) menyatakan sumber adalah segala sesuatu yang boleh digunakan sebagai benda atau rangsangan terhadap pelajar dan digunakan secara berkesan oleh seseorang guru sejarah untuk meningkat atau meluaskan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Manakala Danks (1994) menyatakan sumber pengajaran sejarah merangkumi segala item yang digunakan untuk memperkaya atau meningkatkan kefahaman para pelajar dan perkembangan kemahiran, seperti sumber sejarah, lawatan, lembaran kerja, sejarah lisan, buku teks, dan program komputer. Oleh kerana sumber pengetahuan yang mengandungi unsur sejarah ini wujud dalam pelbagai bentuk dan perspektif yang tersendiri, maka dengan menggunakan definisi Hadyn, Arthur dan Hunt (2001), dan Danks (1994) segala bentuk sumber pengetahuan yang mengandungi unsur sejarah ini boleh dikelompokkan kepada satu kumpulan iaitu sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif, apabila sumber-sumber pengetahuan ini dijadikan sebagai sumber dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Sesungguhnya terdapat pelbagai persoalan yang perlu dijelaskan apabila membincangkan hubungan penerapan nilai patriotisme dan mata pelajaran Sejarah. Umpamanya, apakah sumber pengajaran sejarah yang paling signifikan menyumbang kepada penerapan nilai patriotisme di kalangan para pelajar, sama ada sumber pengajaran sejarah yang berasaskan buku teks sudah memadai, atau sumber pengajaran sejarah yang terdiri daripada pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks)? Benarkah sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) ada menyumbang ke arah penerapan nilai patriotisme? Jika benar sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) ada menyumbang ke arah penerapan patriotisme di kalangan pelajar, sejauhmanakah impaknya? Apakah impak sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) terhadap para pelajar, daripada aspek etnik dan jantina pelajar? Jika

selama ini tanggapan tentang sumbangan sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) adalah berdasarkan tekaan semata-mata, maka adalah perlu dan wajar diadakan penyelidikan bagi mencari bukti empirikal sebelum menyokong sebarang rumusan.

Apabila kabinet meluluskan cadangan untuk mengadakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bermula dalam tahun 2004, khususnya kepada para remaja lepasan sekolah hasil daripada resolusi Kongres Patriotisme Negara, maka keperluan untuk meningkatkan patriotisme menjadi semakin penting di Malaysia. Daripada satu aspek yang lain pula, mesej yang tersirat ialah seolah-olah sistem pendidikan negara tidak berjaya menjalankan fungsi sebagai institusi penerap patriotisme di kalangan para pelajar sekolah. Secara langsung menampakkan semacam suatu kegagalan juga terhadap pencapaian tujuan pembelajaran sejarah di sekolah, sedangkan KBSM telah bermula sejak tahun 1989.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- I. mengenalpasti sama ada subjek Kumpulan Eksperimen I (yang mengalami pengajaran sejarah berdasarkan sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif, tidak termasuk buku teks), dan subjek Kumpulan Eksperimen II (yang mengalami pengajaran sejarah berdasarkan sumber pengajaran sejarah daripada buku teks sahaja) mempunyai semangat patriotisme yang lebih baik, berbanding subjek

Kumpulan Kawalan (yang mengalami pengajaran sejarah secara biasa) daripada aspek-aspek:

- a) Bangga negara
- b) Setia negara
- c) Hormat simbol negara

II. mengenalpasti kesan etnik (bumiputera dan bukan bumiputera) terhadap pencapaian patriotisme di kalangan pelajar-pelajar daripada aspek-aspek:

- a) Bangga negara
- b) Setia negara
- c) Hormat simbol negara

III. mengenalpasti kesan jantina (lelaki dan perempuan) terhadap pencapaian patriotisme di kalangan pelajar-pelajar daripada aspek-aspek:

- a) Bangga negara
- b) Setia negara
- c) Hormat simbol negara

IV. mengenalpasti kesan interaksi etnik (bumiputera dan bukan bumiputera), jantina (lelaki dan perempuan), dan sumber pengajaran sejarah (sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif tidak termasuk buku teks /Kumpulan Eksperimen I, sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks sahaja/Kumpulan Eksperimen II, dan pengajaran biasa

/ Kumpulan Kawalan) terhadap pencapaian patriotisme di kalangan pelajar-pelajar.

1.3 Soalan Kajian

- I. Adakah pelajar-pelajar daripada Kumpulan Eksperimen I (yang mengalami pengajaran sejarah berdasarkan sumber pengajaran sejarah pelbagai perspektif, tidak termasuk buku teks) dan Kumpulan Eksperimen II (yang mengalami pengajaran sejarah berdasarkan sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks sahaja) mempunyai semangat patriotisme yang lebih baik dan signifikan daripada pelajar-pelajar Kumpulan Kawalan (yang mengalami pengajaran sejarah secara biasa)?

Aspek-aspek patriotisme yang difokuskan adalah:

- a) Bangga negara
- b) Setia negara
- c) Hormat simbol negara

- II. Adakah terdapat kesan etnik (bumiputera dan bukan bumiputera) yang signifikan terhadap pencapaian patriotisme di kalangan pelajar-pelajar?

Aspek-aspek patriotisme yang difokuskan adalah:

- a) Bangga negara
- b) Setia negara
- c) Hormat simbol negara

III. Adakah terdapat kesan jantina (lelaki dan perempuan) yang signifikan terhadap pencapaian patriotisme di kalangan pelajar-pelajar? Aspek-aspek patriotisme yang difokuskan adalah:

- a) Bangga negara
- b) Setia negara
- c) Hormat simbol negara

IV. Adakah terdapat kesan interaksi etnik (bumiputera dan bukan bumiputera), jantina (lelaki dan perempuan) dan sumber pengajaran sejarah (sumber pelbagai perspektif tidak termasuk buku teks, sumber buku teks, dan pengajaran biasa) terhadap pencapaian patriotisme di kalangan pelajar-pelajar?

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis dalam kajian ini diungkap untuk diuji menurut analisis ANOVA faktorial tiga hala [Kumpulan Pengajaran Sejarah (Eksperimen I, Eksperimen II, dan Kawalan) X Etnik (Bumiputera dan Bukan Bumiputera) X Jantina (Lelaki dan Perempuan)].

Kesan Utama :

Hipotesis Nol 1

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian patriotisme subjek-subjek Kumpulan Eksperimen I dengan Kumpulan Eksperimen II dan Kumpulan Kawalan.

Hipotesis Nol Ia

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian bangga kepada negara subjek-subjek Kumpulan Eksperimen I dengan Kumpulan Eksperimen II dan Kumpulan Kawalan.

Hipotesis Nol Ib

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian setia negara subjek-subjek Kumpulan Eksperimen I dengan Kumpulan Eksperimen II dan Kumpulan Kawalan.

Hipotesis Nol Ic

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian hormat simbol negara subjek-subjek Kumpulan Eksperimen I dengan Kumpulan Eksperimen II dan Kumpulan Kawalan.

Hipotesis Nol 2

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian patriotisme mengikut etnik.

Hipotesis Nol 2a

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian bangga kepada negara mengikut etnik.

Hipotesis Nol 2b

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian setia negara mengikut etnik.

Hipotesis Nol 2c

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian hormat simbol negara mengikut etnik.

Hipotesis Nol 3

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian patriotisme mengikut jantina.

Hipotesis Nol 3a

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian bangga kepada negara mengikut jantina.

Hipotesis Nol 3b

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian setia negara mengikut jantina.

Hipotesis Nol 3c

Tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min bezantara markat pencapaian hormat simbol negara mengikut jantina.

Interaksi Dua Hala

Hipotesis Nol 4

Tidak ada kesan interaksi kumpulan pengajaran dan etnik yang signifikan terhadap skor min bezantara markat pencapaian patriotisme.

Hipotesis Nol 5

Tidak ada kesan interaksi etnik dan jantina yang signifikan terhadap skor min bezantara markat pencapaian patriotisme.

Hipotesis Nol 6

Tidak ada kesan interaksi kumpulan pengajaran dan jantina yang signifikan terhadap skor min bezantara markat pencapaian patriotisme.

Interaksi Tiga Hala

Hipotesis Nol 7

Tidak ada kesan interaksi kumpulan pengajaran, etnik dan jantina yang signifikan terhadap skor min bezantara markat pencapaian patriotisme.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dan perlu dijalankan untuk melihat bagaimana kesan terhadap semangat patriotisme di kalangan para pelajar, jika unsur nilai dimasukkan secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Maklumat ini penting memandangkan strategi KBSM itu sendiri yang menuntut para guru memasukkan pengetahuan tentang nilai-nilai murni dalam mata pelajaran di sekolah untuk melahirkan insan dan warganegara yang baik serta

memiliki akhlak mulia (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994). Jika selama ini didapati pengajaran nilai itu sering dianggap sebagai sesuatu yang diabaikan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah (berdasarkan kajian lalu), maka satu alternatif yang berkesan perlu dicari untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran sejarah bukan sekadar membolehkan para pelajar memperoleh fakta sejarah semata-mata, tetapi juga membantu perkembangan nilai patriotisme yang sihat terhadap negara. Adalah merugikan jika proses penerapan patriotisme kepada para pelajar hanya hendak dimulakan selepas mereka meninggalkan alam persekolahan, iaitu sewaktu menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Tambahan pula mata pelajaran Sejarah telah dianggap sebagai pendukung utama bagi tujuan penerapan patriotisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah, dan kerana itulah mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai mata pelajaran teras yang diwajibkan ke atas semua pelajar sekolah.

Kajian ini juga penting sebagai usaha untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam dan bermakna kepada para pelajar dalam memahami konsep patriotisme. Secara tidak langsung para pelajar dapat mengaitkan hubungan antara mata pelajaran Sejarah dan patriotisme. Para pelajar tidak lagi merasakan mata pelajaran Sejarah hanyalah suatu mata pelajaran yang berasaskan fakta semata-mata, tetapi sesuatu yang perlu dihayati dan diambil iktibar daripada peristiwa sejarah sebagai generasi pemimpin masa akan datang. Walaupun suasana dunia pada masa kini dicanang dengan slogan globalisasi, dan dunia tanpa sempadan, tetapi berdasarkan suasana semasa didapati negara-negara besar dunia (seperti Amerika Syarikat dan Britain) pada

masa yang sama bergerak ke arah mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan rakyatnya.

Kajian ini penting untuk mengetahui sama ada sumber-sumber pengetahuan yang mengandungi unsur sejarah, apabila dijadikan sumber dalam pengajaran sejarah, dan dikelaskan sebagai sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks), mampu menyumbang atau tidak kepada pencapaian patriotisme di kalangan para pelajar. Terdapat tanggapan yang menyatakan sumber pengetahuan yang mengandungi maklumat sejarah dan pelbagai perspektif, seperti sejarah lisan yang berbentuk tempatan, cerita keluarga, dan tayangan filem dikatakan memberikan impak yang berkesan kepada para pelajar (Barton, 1995, dalam Voss, 1998; Epstein, 1998; Phillips, 1998a; Seixas, 1994a), dan menyumbang kepada penerapan patriotisme (Wan Hashim Wan Teh, 2002; Rahman Hamid, 2002). Namun demikian, kekurangan penyelidikan yang boleh dijadikan bukti dan sokongan terhadap tanggapan tersebut.

Kajian ini juga penting untuk menentukan darjah sumbangan antara dua kumpulan sumber pengajaran sejarah, iaitu sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) dan sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks terhadap pencapaian patriotisme di kalangan para pelajar. Pengkaji ingin menentukan bagaimana interpretasi dan kefahaman sejarah dari sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) dan sumber pengajaran sejarah berasaskan buku teks

sahaja, di kalangan pelajar yang terdiri daripada berbilang etnik, dan jantina, serta kesannya terhadap patriotisme.

Kajian ini juga penting kerana melalui dapatan kajian yang diperoleh kita boleh membuat kesimpulan bagaimana tahap pencapaian para pelajar terhadap aspek-aspek bangga negara, setia negara dan menghormati simbol negara, menerusi sumber pengajaran sejarah yang pelbagai perspektif (tidak termasuk buku teks) dan sumber pengajaran sejarah yang berasaskan buku teks sahaja. Ini akan memandu kita ke arah membuat penyesuaian dan merangka strategi baru yang lebih berkesan lagi dalam usaha penerapan patriotisme di kalangan pelajar.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat memberikan contoh kepada para guru sejarah, teknik dan kaedah alternatif yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah untuk mencapai tujuan pencapaian patriotisme dan pembentukan nilai di kalangan pelajar.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang perlu disedari dan diambilkira sewaktu membuat interpretasi keputusan kajian ini. Sampel kajian ini ialah pelajar-pelajar tingkatan dua daripada tiga buah sekolah menengah di sebuah daerah dalam negeri Johor. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini hanya dapat disimpulkan kepada pelajar-pelajar yang setara dengan sampel kajian ini iaitu pelajar-pelajar tingkatan dua. Dari segi sekolah pula, ketiga-tiga sekolah menengah yang dipilih ini adalah setara. Sekolah-sekolah menengah ini